

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Wanita rugi RM12,790 setelah terperdaya dengan pautan palsu
Date : 5 August 2026
Section : Tempatan
Page : 1



Wanita rugi RM12,790 setelah terperdaya dengan pautan palsu

MIRI: Seorang wanita berusia 29 tahun mengalami kerugian RM12,790 selepas menekan pautan palsu ketika membuat tempahan makanan yang diiklankan di Facebook.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Mohd Farhan Lee Abdullah berkata, mangsa yang tidak bekerja itu pada mulanya ternampak iklan makanan di Facebook sebelum meneruskan urusan tempahan melalui aplikasi WhatsApp.

"Mangsa kemudian menekan pautan yang diberikan bagi melihat menu makanan menerusi WhatsApp.

"Sejurus selepas mengakses pautan tersebut, skrin telefon bimbit mangsa menjadi kosong dan peranti itu tidak lagi memberikan sebarang respons," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Farhan, mangsa kemudiannya membuat semakan dengan pihak bank sebelum mendapati berlaku empat transaksi pemindahan wang tanpa kebenaran berjumlah RM12,790 daripada akaun bank miliknya ke beberapa akaun yang tidak dikenali.

Sehubungan itu katanya, polis kini menjalankan siasatan bagi mengenal pasti bagaimana peranti mangsa telah dikompromi, selain mengesan aliran wang yang dipindahkan.

Justeru, beliau mengingatkan orang ramai supaya berwaspada terhadap taktik terbaharu sindiket penipuan siber yang menggunakan iklan palsu dan pautan berniat jahat di media sosial untuk memperdaya pengguna, sama ada bagi memasang perisian hasad (malware) atau mendapatkan akses kepada maklumat perbankan mereka.

Orang ramai turut dinasihatkan supaya tidak mengklik pautan dalam iklan atau mesej yang tidak disahkan serta hanya memuat turun aplikasi daripada platform rasmi seperti Google Play Store dan Apple App Store.

➡ **Dari Muka 2**

Wanita rugi RM12,790 setelah terperdaya dengan pautan palsu

➡ **Dari Muka 1**

"Pengguna juga disarankan tidak membenarkan pemasangan aplikasi daripada sumber yang tidak dikenali, mengaktifkan semua ciri keselamatan pada peranti mudah alih dan akaun perbankan dalam talian serta segera menghubungi pihak bank dan membuat laporan polis sekiranya mengesan sebarang

transaksi yang mencurigakan atau tidak dibenarkan," katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa hanya satu klik pada pautan yang mencurigakan boleh mengakibatkan kerugian kewangan yang besar dan menggesa orang ramai supaya sentiasa menyemak kesahihan sesuatu iklan dalam talian sebelum berinteraksi dengannya.